

Kemurnian





Bapa Syurgawi anda menyayangi anda dan menginginkan anda untuk menjadi gembira sekarang dan buat selama-lamanya. Dia sudah berikan nasihat dan perintah-perintah melalui para nabiNya untuk menolong anda. Satu perintah yang mustahak terhadap kedamaian dan kebahagiaan anda adalah perintahNya yang berkenaan kesucian seksual, dikenali sebagai hukum kemurnian. Tuhan menubuhkan hukum ini dari permulaan, dan Dia menegaskan kepentingannya kepada Nabi Joseph Smith sebagai satu bahagian kepada injil Yesus Kristus yang sudah dipulihkan. Pematuhan kepada perintah ini diperlukan untuk pembaptisan dalam Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir.

Apakah itu Hukum Kemurnian?

Keintiman fizikal di antara suami isteri adalah satu bahagian yang indah dan kudus dari rancangan Tuhan kepada anak-anakNya. Ia adalah satu pernyataan cinta dalam perkahwinan dan ia membenarkan suami isteri untuk mengambil bahagian dalam penciptaan nyawa.


Hukum kemurnian menuntut bahawa perhubungan seksual hanya disediakan untuk perkahwinan di antara seorang lelaki dan seorang perempuan.

Tuhan sudah memerintah bahawa kuasa kudus ini hanya ditunjukkan di antara seorang lelaki dan seorang perempuan yang sudah kahwin secara sah. Hukum kemurnian diaplikasikan kepada lelaki dan perempuan. Ia termasuk pemantangan yang keras dari perhubungan seksual sebelum perkahwinan dan kesetiaan dan ketaatan yang sepenuh kepada

pasangan selepas perkahwinan.

Selain daripada menyediakan keintiman seksual untuk perkahwinan, kita mematuhi hukum kemurnian dengan mengawalkan fikiran kita, kata-kata kita, dan tindakan kita. Yesus Kristus mengajar, “Kamu sudah mendengar ajaran seperti berikut: ‘Jangan berzina.’ Tetapi sekarang Aku berkata kepada kamu: Sesiapa memandang seorang wanita dengan perasaan berahi orang itu sudah berzina dengan dia di dalam hati” (Matius 5:27–28).





Mengapa Saya Harus Mematuhi Hukum Kemurnian?

Bapa Syurgawi anda sudah memberikan hukum kemurnian untuk melindungi dan memberkati anda. Seperti segala hal yang kudus, keintiman fizikal harus ditunjukkan mengikut arahan Tuhan. Bila anda mematuhi hukum kemurnian, anda akan menikmati kebahagiaan, kedamaian, dan hormat diri. Anda akan menikmati kepercayaan dan keyakinan dalam perhubungan keluarga anda, dan anda akan diberkati dengan kawalan diri. Anda akan menikmati berkat-berkat injil Yesus Kristus melalui pengaruh Roh Kudus.

Setan menuntun orang untuk mempercayai bahawa keintiman seksual di luar perkahwinan boleh diterima dan mahupun sangat diinginkan. Tetapi ia adalah satu dosa yang serius; Tuhan selalu mengajar anak-anakNya untuk berbudi mulia dan murni (lihat Keluaran 20:14 dan Alma 39:3–5). Asas ini adalah abadi.

Pelanggaran hukum kemurnian adalah satu penyalahgunaan kuasa yang sudah diberikan oleh Tuhan

Bila anda mematuhi hukum kemurnian, anda akan:

- *Menjemput Roh Kudus ke dalam hidup anda.*
- *Membina hormat diri yang lebih tinggi bila anda bekerja untuk mengawal diri.*
- *Memperoleh keyakinan yang lebih besar dalam perhubungan anda.*
- *Perasaan kasih sayang terhadap orang di sekeliling anda akan meningkat.*

untuk mencipta nyawa; ia menunjukkan pengabaian terhadap Dia dan terhadap anak-anakNya. Ia memudahkan kerohanian dan selalunya menuju ke kepahitan, sakit hati, perceraian, penyakit, dan pengguguran. Mereka yang melanggar hukum ini lebih didedahkan kepada pengaruh Setan. Dosa ini juga mempengaruhi ahli-ahli keluarga dan orang lain dengan seriusnya.

Bagaimana Saya Mematuhi Hukum Kemurnian?

Tuhan menuntutkan taraf moral yang tinggi dari anak-anakNya. Untuk mematuhi hukum kemurnian,

anda mesti menggantikan fikiran, kata-kata, dan tindakan yang tidak diinginkan dengan yang menyihatkan. Asas-asas berikut akan menolong:

“Biarlah kebajikan mengisi fikiranmu dengan tidak ada hentinya; maka rasa percayamu akan menjadi kuat di hadirat Tuhan.”

A&P 121:45

Fikiran. Fikiran-fikiran yang positif dan yang baik akan menolak fikiran-fikiran yang negatif dan tidak bermoral dari hidup anda. Bila anda memenuhkan hidup

anda dengan fikiran dan aktiviti yang menyihatkan, anda akan berkembang dalam kebolehan anda untuk menggantikan dan mengatasi fikiran-fikiran yang negatif. Membaca kitab suci, melayani keluarga anda, bekerja dengan tekun, dan mengambil bahagian dalam aktiviti rekreasi yang menyihatkan akan menolong anda untuk mengawal fikiran-fikiran anda.





Mengelakkan pornografi dalam sebarang bentuk. Ia menagihkan dan memusnahkan. Ia akan merompak hormat diri anda dan satu penghargaan terhadap keindahan hidup. Jangan biarkan fikiran anda untuk mendiami pada fikiran atau imej yang lucuh dan tidak bermoral. Jangan tonton, baca, atau dengar sebarang pun yang menggambarkan atau menghuraikan badan manusia atau kelakuan seksual dalam cara yang biadab. Elakkan fikiran yang bernafsu bila memandang orang lain, dan elakkan wayang gambar, rancangan televisyen, laman internet, musik, buku-buku, majalah, dan aktiviti yang menggodakan dan lucuh.

Kata-kata. Biarlah kata-kata anda mengembangkan dan memperkuat orang lain. Singkirkan kata-kata, gurau, dan tema yang mengaibkan, yang tidak beradab, dan yang mengenai seksual dari perbualan anda.

Tindakan. Selalu bersikap hormat terhadap orang lain. Pakaian anda harus sederhana. Jika anda ingat bahawa setiap orang adalah anak Tuhan, dan jika anda lakukan segala dengan sedaya upaya anda untuk menolong orang lain untuk mengikut rancanganNya, anda akan diperkuatkan dalam keinginan anda untuk mematuhi hukuman kemurnian.

Tekad sekarang bahawa anda tidak akan melakukan sebarang pun di luar perkahwinan untuk membangkitkan emosi yang kuat yang hanya mesti ditunjukkan dalam perkahwinan. Jangan bangkitkan

emosi-emosi itu dengan orang lain atau diri sendiri. Jangan mengambil bahagian dalam kelakuan homoseksual atau lesbian atau aktiviti lain yang tidak bermoral. Gantikan aktiviti di mana anda mungkin boleh digoda untuk melanggar hukum kemurnian dengan aktiviti dan kegemaran yang sihat. Dalam perkahwinan, tetap taat setia kepada pasangan anda dalam fikiran dan tindakan.

Sebab mematuhi hukum kemurnian akan membawa anda lebih dekat dengan Tuhan, Setan akan menggoda anda untuk melanggar perintah ini. Dia tahu bila anda bersendirian, keliru, atau murung, dan dia akan menggoda anda bila anda menjadi lemah. Berdoa kepada Bapa Syurgawi anda demi bantuan, dan Dia akan berikan anda kekuatan untuk menahan godaan (lihat 1 Korintus 10:13). Bila anda bergantung kepada Dia dan mengikut asas-asas ini, anda akan berusaha untuk mengatasi godaan.

Berkat-berkat dari Mematuhi Hukum Kemurnian

Bila anda mematuhi hukum kemurnian, anda akan menjadi lebih terbuka kepada pengaruh Roh Kudus. Dengan bimbingan Roh Kudus, kebijaksanaan anda akan meningkat, anda akan menghadapi cubaan dengan keberanian yang lebih besar, anda akan merasai sokongan dan arahan Tuhan dalam hidup anda, dan anda akan menjadi satu teladan kepada keluarga anda dan orang



Jangan mempedulikan perkara yang sudah anda lakukan dalam masa lepas, berkat-berkat yang besar sedia ada untuk anda jika anda mula mematuhi hukum kemurnian.

lain. Kasih sayang anda terhadap pasangan anda dan orang yang anda kasihi akan menjadi lebih mendalam, lebih kaya, dan lebih bererti. Anda akan mengalami kedamaian akal yang lebih besar.

Dalam kitab suci kita mempelajari bahawa kebahagiaan yang benar datang dari pematuhan perintah-perintah Tuhan (lihat Mosia 2:41) dan bahawa “kejahatan

tidak pernah merupakan kebahagiaan” (Alma 41:10).

Jika anda sudah melanggar hukum kemurnian, Tuhan membolehkan anda untuk bertaubat dan menjadi suci sekali lagi. Bertaubat sekarang ke atas kesalahan lepas, dan bertekad untuk mematuhi hukum kudus ini. Melalui Penebusan Yesus Kristus dan pertaubatan yang benar, anda boleh diampun dan merasa kedamaian.

PEMBELAJARAN TAMBAHAN

Soalan-soalan dan ayat-ayat suci berikut akan membantu anda untuk mempelajari dengan lebih mendalam berkenaan prinsip-prinsip dalam risalah ini. Nota kaki dan rujukan silang dalam kitab-kitab suci akan mengarahkan anda kepada petikan-petikan dan sumber-sumber tambahan tentang prinsip-prinsip ini.

Apakah ertinya untuk mematuhi hukum kemurnian? Mengapa hukum ini begitu penting?

Keluaran 20:14 (Alkitab, Perjanjian Lama)

Amsal 6:27–32 (Alkitab, Perjanjian Lama)

Titus 2:11–12 (Alkitab, Perjanjian Baru)

Alma 39:3–5 (Kitab Mormon, muka surat 465)

3 Nefi 12:27–30 (Kitab Mormon, muka surat 663; juga lihat Matius 5:27–30 dalam Perjanjian Baru)

“Keluarga: Satu Perisytiharan Kepada Dunia” (Para mubaligh atau seorang ahli Gereja boleh membantu anda untuk memperoleh satu salinan dokumen ini dan *True To The Faith* dan *For The Strength of Youth*, yang disenaraikan di bawah. Anda juga boleh mendapati mereka pada laman www.mormon.org.)

“Chastity,” *True to the Faith*

Bagaimana saya boleh memperoleh kekuatan yang saya perlukan untuk mematuhi hukum kemurnian?


1 Korintus 10:13 (Alkitab, Perjanjian Baru)

Mosia 4:29–30 (Kitab Mormon, muka surat 233)

Alma 38:12 (Kitab Mormon, muka surat 464)

Risalah *For the Strength of Youth*

Apa Yang Harus Saya Lakukan?



- Terus membaca Kitab Mormon.

Cadangan pembacaan: _____

- Mematuhi hukum kemurnian. Berdoa demi bantuan untuk mematuhi perintah ini.

- Menghadiri gereja hari Ahad ini.

- Terus bersedia untuk pembaptisan.

Tarikh pembaptisan: _____

- Lawati www.mormon.org untuk mempelajari dengan lebih lanjutnya tentang Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir.

- Terus bertemu dengan para mubaligh untuk belajar dengan lebih lanjutnya tentang injil pemulihan.

Temu janji seterusnya: _____

Nama dan nombor telefon para mubaligh:

**For Non-Muslim
For Church use only
Not for sale**

GEREJA
YESUS KRISTUS
ORANG SUCI
ZAMAN AKHIR

www.mormon.org

Kredit Imej

Muka Hadapan, perincian dari *Dengarkanlah Dia*, oleh Simon Dewey. © Simon Dewey
Muka surat 6, *Juruselamat*, oleh Del Parson. © Del Parson
Muka surat 5 oleh Wei-Siang Wang. © Wei-Siang Wang
Muka surat 9 oleh Hyun-Gyu Lee. © Hyun-Gyu Lee
Muka surat 13 oleh Tokio Onogi. © Tokio Onogi

© 2011 by Intellectual Reserve, Inc. Hak cipta terpelihara. Dicetak di Amerika Syarikat.

Kelulusan bahasa Inggeris: 2/06. Kelulusan Penterjemahan: 2/06. Penterjemahan Chastity, Malay, 01147 348

MALAY



4 02011147348 2

01147 348